


Dasar Pengajaran dan Pembelajaran 2021

Universiti Teknologi MARA

Isi Kandungan

| | |
|---|----|
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 2.0 Istilah | 3 |
| 3.0 Penyataan Dasar PdP | 8 |
| 4.0 Pelaksanaan Dasar PdP | 17 |
| 4.1 Skop | 18 |
| 4.2 Kurikulum Pemandu PdP | 19 |
| 4.3 Tanggungjawab bersama PdP | 20 |
| 4.4 Amanah Tugas Pensyarah | 21 |
| 4.5 Penjadualan | 23 |
| 4.6 Jam Pembelajaran Pelajar | 24 |
| 4.7 Platform dan Mod Penyampaian | 26 |
| 4.8 Pentaksiran Dan Penilaian | 25 |
| 4.9 Penilaian Pengajaran | 28 |





1.0 | Pengenalan

- 1.1 Dasar Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) ialah pernyataan prinsip dan ketetapan yang menjadi asas kepada PdP di sebuah universiti atau institusi pendidikan. Langkah membangunkan satu dasar yang merangkumi polisi dan dasar berkaitan PdP sedia ada amat penting untuk memastikan kesepaduan dan keselanjuran proses dan amalan akademik.
- 1.2 Dasar PdP UiTM bertujuan memandu pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan PdP UiTM untuk memastikan PdP yang berkualiti.
- 1.3 Dasar ini diharap dapat mempertingkatkan keseragaman pemahaman berkaitan PdP serta memastikan para akademik bersama-sama mengusahakan pembelajaran yang optimum dan pembentukan insan berilmu dengan sifat-sifat terpuji dalam kalangan pelajar UiTM.



1.0 | Pengenalan

- 1.4 Dasar ini juga memperincikan elemen-elemen penting yang perlu untuk peningkatan kualiti PdP di UiTM melalui penyampaian kurikulum yang konsisten dan saksama.
- 1.5 Dasar PdP UiTM telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada 21 Oktober 2020, disahkan di Mesyuarat Senat ke-264 pada 03 November 2020 dan pemakluman Lembaga Pengarah Universiti pada 15 Disember 2020.
- 1.6 Pemakaian Dasar PdP UiTM ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai untuk semua staf akademik dan pelajar UiTM di semua peringkat pengajian.

2.0 | Istilah

- 2.1 **Amanah:** Sifat luhur, sikap benar dan amalan jujur yang membawa kepada kebertanggungjawaban yang tinggi serta pelaksanaan tugas yang berintegriti.
- 2.2 **Adab:** Tingkah laku, budi bahasa dan budi pekerti yang menghargai dan menyantuni hubungan sesama manusia, hubungan dengan makhluk dan persekitaran serta hubungan dengan Yang Esa.
- 2.3 **Pengajaran:** Proses yang dilaksanakan untuk memastikan ilmu dan kemahiran disampaikan serta dapat mencapai hasil pembelajaran (*learning outcomes*) yang dijangka.
- 2.4 **Pemudahcaraan:** Proses menggerakkan sesuatu aktiviti pembelajaran agar pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar dapat dijalankan dengan lancar.

2.0 | Istilah

- 2.5 **Pembelajaran:** Proses yang membawa kepada perubahan ilmu, kemahiran, kebolehan, sikap dan nilai dalam diri seorang pelajar, yang diperolehnya dari ajaran / instruksi, latihan / praktik dan pengalaman.
- 2.6 **Pembelajaran Fleksibel:** Pembelajaran melalui pelbagai mod dan kaedah serta tidak terbatas kepada masa dan ruang.
- 2.7 **Pembelajaran Flipped / Flipped Learning:** Kaedah pembelajaran yang menyongsang kaedah konvensional, dimana biasanya pelajar diberi tugas dahulu sebelum hadir sesi pembelajaran bersama pengajar.
- 2.8 **Pembelajaran Menerusi Pengalaman:** Pembelajaran yang berlaku apabila seseorang mengalami atau melalui satu-satu fenomena atau episod.

2.0 | Istilah

- 2.9 **Pembelajaran Formal:** Pembelajaran yang diperolehi melalui satu sistem pendidikan yang dilembagakan dan kurikulum yang disusun.
- 2.10 **Pembelajaran Informal:** Pembelajaran yang berlaku secara tidak terancang serta tidak berstruktur kerana pengetahuan dan kemahiran diperolehi daripada interaksi dengan keadaan / situasi yang tidak disediakan terlebih dahulu seperti pembelajaran melalui media massa.
- 2.11 **Pembelajaran Bukan Formal (*Non-Formal*):** Pembelajaran yang disusun dan dilaksanakan di luar daripada sistem pembelajaran formal seperti pembelajaran dalam komuniti.
- 2.12 **Pembelajaran Dalam Talian:** Pembelajaran yang berlaku melalui penggunaan platform dan teknologi digital berasaskan internet.

2.0 | Istilah

- 2.13 **Pembelajaran Secara Jarak Jauh dan Terbuka:** Pembelajaran secara formal, informal, dan bukan formal yang berlaku secara segerak atau tidak segerak dimana pengajar dan pelajar berada di lokasi yang berbeza dan disokong oleh kemudahan teknologi komunikasi termasuk pos, radio dan internet.
- 2.14 **Pembelajaran Teradun:** Pembelajaran yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian (*online*) dan mod bersemuka (*onsite*) yang merangkumi aktiviti kursus dijalankan secara dalam talian sama ada menyokong atau menggantikan pembelajaran bersemuka yang membolehkan pembelajaran fleksibel dengan menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (*Student Centered Learning (SCL)*)).
- 2.15 **Massive Open Online Courses (MOOC):** Kursus yang ditawarkan secara terbuka dan tidak terbatas kepada satu kumpulan di satu institusi sahaja. Ianya ditawarkan dalam talian kepada pelajar-pelajar dari seluruh dunia.

Dasar PdP disokong dan dibaca bersama

| | | | |
|---|---|---|---|
| A | Peraturan Akademik Universiti (semua peringkat) | K | Garis Panduan ATP 2017 |
| B | Prinsip Etika Pensyarah/ Ethical Statements | L | Surat Pekeliling TNCAA 2017 |
| C | Dasar Plagiarisme UiTM | M | Garis Panduan Pembangunan dan Perlaksanaan Open Educational Resources (OER) |
| D | Polisi Pengajian OKU | N | Garis Panduan Pembangunan dan Perlaksanaan Koswer |
| E | Polisi Pengajaran Atlet | O | Garis Panduan Pembangunan dan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun |
| F | Polisi Penyampaian Fleksibel | P | Garis Panduan Pembangunan dan Pelaksanaan MOOC |
| G | Polisi Pentaksiran dan Penilaian | Q | Penglibatan Pelajar dalam Pembelajaran Terbuka dan Secara Jarak Jauh (ODL) |
| H | Dasar, Arahan dan Garis Panduan MQA | R | Garis Panduan Pelaksanaan Penyampaian dan Pembelajaran ODL |
| I | Dasar, Arahan dan Garis Panduan IQA | S | Garis Panduan Pengajaran Kolaboratif |
| J | Education 5.0@UiTM | T | Polisi Pengajian Dan Garis Panduan Akademik Terkini / Semasa Yang Berkaitan |

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.1 Pengajaran dan Pembelajaran proses penitisan dan pencarian ilmu yang didasari Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah UiTM serta dilaksanakan melalui sistem pendidikan UiTM untuk merealisasikan visi, misi dan objektif UiTM.

3.1.1 *Falsafah Pendidikan Negara*

"Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara."

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.1.2 *Falsafah UiTM*

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan professional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.2 Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UiTM adalah berasaskan prinsip

- 3.2.1 Kemenjadian iaitu pencapaian hasil pembelajaran yang disasarkan (*desired outcomes*),
- 3.2.2 Amanah, adab dan autonomi dalam penyampaian dan pembelajaran,
- 3.2.3 Fleksibiliti, keterangkuman (*inclusivity*) dan kesaksamaan (*equity*) dalam penyampaian dan pembelajaran.

3.0 | Penyataan Dasar PdP

- 3.3 Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UiTM dilaksanakan melalui Sistem Pendidikan UiTM yang memperuntukkan empat (4) teras utama, iaitu:
- 3.3.1 Kurikulum yang diktiraf oleh badan kelayakan kerajaan dan badan profesional,
 - 3.3.2 Penyampaian berpusatkan pelajar yang mengoptimumkan penglibatan dan pengalaman pembelajaran pelajar,
 - 3.3.3 Persekutaran dan sumber yang menyokong pembelajaran dan pembangunan akademik pelajar,
 - 3.3.4 Pentaksiran serta penilaian yang sejajar dengan hasil pembelajaran yang disasar.

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.4 Pengajaran

- 3.4.1 Pengajaran adalah proses penyampaian yang dilaksanakan berdasarkan hasil pembelajaran (*outcomes*) yang perlu dicapai untuk membentuk graduan yang seimbang dan holistik dari segi ilmu, kemahiran dan kebolehan serta berupaya mendorong perkembangan diri mereka secara luas dan berterusan (*lifelong & life wide learning*).
- 3.4.2 Pengajaran melibatkan perancangan, rekabentuk serta perlaksanaan aktiviti yang dirangka untuk memastikan hasil pembelajaran tercapai. Ini termasuk proses rekabentuk kurikulum, rekabentuk pembelajaran, penyampaian, pentaksiran dan penilaian pelajar.
- 3.4.3 Pengajaran adalah proses interaktif dua hala yang berlaku melalui instruksi dan / atau pemudahcaraan.

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.4 Pengajaran

- 3.4.4 Pengajaran mesti dilaksanakan secara inovatif dan responsif kepada keperluan pelajar dan keperluan pembelajaran semasa dengan menggunakan alatan, kaedah dan platform yang sesuai untuk menyokong hasil pembelajaran yang dijangka.
- 3.4.5 Pengajaran dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris kecuali kursus-kursus Bahasa Melayu, bahasa ketiga, Pengajian Islam dan kurikulum.
- 3.4.6 Penyeliaan pelajar (latihan industri, projek tahun akhir, penyelidikan dan yang seumpama) adalah sebahagian daripada tugas pengajaran.

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.4 Pengajaran

- 3.4.7 Pengajaran mesti dilaksanakan oleh pakar dan pensyarah yang berkelayakan dalam bidang ilmu yang berkenaan serta individu yang berpengalaman luas dalam bidang tersebut.
- 3.4.8 Kualiti pengajaran perlu sentiasa ditambah baik menerusi penyelidikan, perkongsian ilmu, rujukan kepada amalan terbaik, refleksi dan aspek-aspek kesarjanaan PdP (*Scholarship of Teaching and Learning*) yang lain.

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.5 Pembelajaran


- 3.5.1 Pembelajaran adalah proses yang membawa kepada perubahan ilmu, kemahiran, kebolehan, tingkah laku, sikap dan nilai dalam diri seorang pelajar, yang diperolehnya dari ajaran / instruksi, pembacaan, latihan / praktik dan pengalaman.
- 3.5.2 Pembelajaran dinilai berdasarkan pencapaian hasil pembelajaran dalam domain-domain kognitif, psikomotor, dan afektif. Pembelajaran melalui pengalaman yang menekankan aspek sosial dan spiritual juga diintegrasikan untuk membentuk individu seimbang dan holistik yang boleh berfungsi/peranan dalam masyarakat setempat dan global.
- 3.5.3 Pembelajaran adalah tanggungjawab pelajar.
- 3.5.4 Pembelajaran adalah berteraskan prinsip-prinsip inklusif dan kesamarataan.

3.0 | Penyataan Dasar PdP

3.5 Pembelajaran


- 3.5.5 Pembelajaran mesti disokong oleh pengajaran, pemudahcaraan, pentaksiran serta sistem sokongan, pelbagai sumber dan persekitaran pembelajaran yang merangsang pengalaman pembelajaran bermakna dan mencapai hasil pembelajaran yang dijangka.
- 3.5.6 Penilaian pembelajaran dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris kecuali kursus-kursus Bahasa Melayu, bahasa ketiga, Pengajian Islam dan kokurikulum.
- 3.5.7 Pembelajaran boleh berlaku secara formal, informal dan bukan formal (*non-formal*).
- 3.5.8 Universiti menyokong dan memperuntukkan pembelajaran luas dan sepanjang hayat (*lifewide and lifelong learning*) dalam bentuk formal, informal dan bukan formal (*non-formal*).

4.0 | Pelaksanaan Dasar PdP



4.1 | Skop

4.1.1 Dasar PdP UiTM merangkumi prinsip asas PdP untuk semua peringkat dan bidang dan memperincikan:



4.1.2 Dasar ini tidak memperincikan pelaksanaan proses, prosedur atau operasi yang berkaitan.

4.2 | Kurikulum Pemandu PdP

- 4.2.1 Pengajaran dan pembelajaran UiTM adalah berpandukan kurikulum yang dibangunkan dan disemak mengikut keperluan untuk mencapai hasil pembelajaran di peringkat kursus dan program pengajian.
- 4.2.2 Kurikulum UiTM bersifat boleh lentur dan organik (*fluid and organic*) serta dizahirkan melalui PdP kursus-kursus dalam pelan pengajian (termasuk kokurikulum) dan aktiviti-aktiviti ekstra kurikulum bagi melahirkan graduan yang adaptif terhadap keperluan masa hadapan.

4.3 | Tanggungjawab Bersama PdP

- 4.3.1** Pensyarah merupakan individu utama yang bertanggungjawab ke atas penyampaian pengajaran.
- 4.3.2** Pensyarah disokong oleh pensyarah sumber, koordinator / penyelaras / Ketua Pusat Pengajian (KPP), staf pentadbiran dan teknikal serta pengurusan fakulti yang bertanggungjawab memastikan aspek-aspek pengajaran yang lain diurus dengan berkesan.

4.4 | Amanah Tugas Pensyarah

- 4.4.1** Amanah Tugas adalah tugas hakiki seorang pensyarah UiTM yang mesti dilaksanakan sepanjang semester pengajian.
- 4.4.2** Jam pengajaran formal dijadualkan menurut tempoh masa pensyarah mengadakan sesi pengajaran formal segerak atau / dan tidak segerak iaitu secara bersemuka setempat, bersemuka dalam talian atau melalui pemudahcaraan aktiviti-aktiviti pembelajaran secara fleksibel.
- 4.4.3** Secara lazimnya, jam pengajaran formal seminggu untuk satu kursus adalah bersamaan atau lebih daripada jumlah kredit kursus tersebut.

4.4 | Amanah Tugas Pensyarah

- 4.4.4** Penyampaian pengajaran (*teaching delivery*) adalah hak dan tanggungjawab pensyarah.
- 4.4.5** Pensyarah perlu merancang dan membangun bahan pembelajaran mengikut amalan baik PdP bagi mencapai hasil pembelajaran yang dijangka.
- 4.4.6** Jam pengajaran formal pensyarah ditetapkan oleh Pusat Tanggungjawab berpandukan Garis Panduan ATP semasa serta bergantung kepada keperluan semasa fakulti atau kampus.

4.5 | Penjadualan

- 4.5.1 Penjadualan pengajaran kursus perdana adalah menurut semester, modular atau blok pengajaran yang lebih intensif seperti intersesi dan semester pendek.
- 4.5.2 Pengajaran dan pembelajaran perdana mesti berlaku dalam tempoh semester dan / atau blok pengajaran yang dilaksanakan menurut kalender akademik yang diluluskan senat universiti.
- 4.5.3 Satu semester lazimnya terdiri daripada 14 minggu pembelajaran, satu minggu ulangkaji dan dua minggu peperiksaan / penilaian kecuali program-program khas / bukan perdana.

4.6 | Jam Pembelajaran Pelajar

- 4.6.1 Jam Pembelajaran Pelajar atau *Student Learning Time (SLT)* dikira berdasarkan masa pembelajaran berkesan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu-satu aktiviti akademik secara formal atau tidak formal.
- 4.6.2 Pelajar mesti memenuhi sekurang-kurangnya jam pembelajaran yang telah ditetapkan dalam kursus, yang telah dikira menurut bentuk aktiviti pembelajaran.
- 4.6.3 Satu (1) kredit ditakrifkan bersamaan 40 jam pembelajaran *notional / SLT*.
- 4.6.4 Jam pembelajaran diagih menurut aktiviti yang berbentuk dipandu (*guided*) sama ada secara bersemuka atau tidak bersemuka dan pembelajaran kendiri (*independent study*).

4.7 | Platform Dan Mod Penyampaian

- 4.7.1 Kursus-kursus boleh dilaksanakan melalui mod lazim atau *standard* iaitu PdP sepanjang semester atau sebahagian daripada semester dalam bentuk semester pendek tujuh (7) minggu atau intersesi. Ini termasuk kursus-kursus yang ditawarkan secara elektif multidisiplinari.
- 4.7.2 Kursus-kursus boleh dilaksanakan secara mikrokredit menurut bilangan bulan, sebahagian daripada semester, sepanjang semester atau sepanjang tahun bergantung kepada jam kredit kursus tersebut.

4.7 | Platform Dan Mod Penyampaian

- 4.7.3 Penyampaian boleh dilaksanakan secara fleksibel.
- 4.7.4 Penyampaian boleh dijalankan secara setempat dalam bilik-bilik kuliah / ruang-ruang pembelajaran, secara dalam talian atau secara pembelajaran terbuka dan jarak jauh.
- 4.7.5 Penyampaian boleh dilaksanakan secara segerak (*synchronous*) dan / atau tidak segerak (*asynchronous*).
- 4.7.6 Platform dalam talian yang disaran penggunaannya ialah platform yang disediakan oleh universiti. Walau bagaimanapun, pensyarah boleh melaksanakan pengajaran melalui mana-mana platform interaktif yang sesuai dengan kursus dan boleh dicapai pelajar.

4.8 | Pentaksiran dan Penilaian Pembelajaran

- 4.8.1 Pentaksiran pembelajaran melibatkan pengukuran pencapaian (dalam bentuk ujian, tugas yang boleh ditaksir (*assessable work*)) yang membolehkan pemantauan kemajuan pelajar dan menyumbang ke arah penggredan kursus yang diambil.
- 4.8.2 Pentaksiran dan penilaian perlu disejajarkan dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan untuk setiap kursus dan program.
- 4.8.3 Polisi dan prosedur berkaitan ketidakpatuhan kepada kejujuran akademik (*academic honesty*) dalam pengajian adalah tertakluk kepada Dasar Plagiarisme dan Peraturan Akademik UiTM.
- 4.8.4 Penambahbaikan pentaksiran dan penilaian pembelajaran mesti berbentuk research-informed dan berasaskan sorotan yang dipandu data dan penganalisisan keperluan terkini.

4.9 | Penilaian Pengajaran

- 4.9.1** Pengajaran pensyarah dinilai untuk penambahbaikan melalui tiga kaedah iaitu:
 - 4.9.1.1** Penilaian oleh pelajar.
 - 4.9.1.2** Penilaian oleh rakan sekerja.
 - 4.9.1.3** Penilaian kendiri.
- 4.9.2** Pelaporan penilaian pengajaran secara umum akan disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) (Akademik dan Antarabangsa) dan dibentangkan di Senat UiTM sebagai pemakluman dan tindakan fakulti dan UiTM cawangan.
- 4.9.3** Polisi dan prosedur berkaitan ketidakpatuhan etika dalam tugas-tugas pengajaran adalah tertakluk kepada Nilai dan Etika UiTM dan Prinsip Etika Pensyarah.

Disediakan Oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa),
Tingkat 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia





אוניברסיטת טכנולוגיית מראה
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA